



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH BAYARAN PERKHIDMATAN DAN BEKALAN



OBJEKTIF



Memastikan bayaran perkhidmatan dan bekalan telah diuruskan dengan teratur selaras dengan peraturan kewangan dan dokumen kontrak yang berkuat kuasa.



APA YANG SEPATUTNYA

Pembayaran yang dibuat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

PERBELANJAAN

RM9.81 Juta



96.9%

PERUNTUKAN

RM10.12 Juta



APA YANG BERLAKU



1

Pembayaran Tidak Wajar

- Pembayaran Perkhidmatan Tanpa BST dan Kontrak - **RM0.63 Juta**
- Pembayaran Sebelum BST Dikeluarkan dan Sebelum Kontrak Ditandatangani – **RM40,482**
- Bayaran Tanpa Kelulusan Pelanjutan Kontrak – **RM29,486**

2

Pengesahan Bayaran Tanpa Dokumen Kesempurnaan Perkhidmatan Berjumlah RM477,574

RUMUSAN

Pembayaran tidak teratur.

- ❖ Bayaran tanpa BST dan dokumen kontrak serta dokumen sokongan yang lengkap.
- ❖ Bayaran melebihi empat bulan dari tarikh BST ditandatangani balas dan sebelum kontrak ditandatangani.



**3 SYOR
AUDIT**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH

2. BAYARAN PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

FAKTA UTAMA

RM10.12 Juta	RM9.81 Juta (96.9%)
Peruntukan Diterima	Perbelanjaan Tahun 2021
Akta dan Peraturan	- Arahan Perbendaharaan - Pekeliling Perbendaharaan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) adalah sebuah badan berkanun negeri dan telah diperbadankan pada tahun 1972 di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah 1972. PPAK mempunyai lima rangkaian perpustakaan di bawah seliaannya iaitu 13 perpustakaan cawangan, 56 perpustakaan desa Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 37 perpustakaan desa PPAK, lima perpustakaan bergerak dan satu Kedah Digital Library (KDL).

1.2. PPAK menggunakan Sistem IFCA Integrated Property Real Estate Business Solution (Sistem IFCA) bagi urusan pengeluaran pesanan kerajaan dan pembayaran, serta menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan bagi perkara berkaitan perolehan dan pembayaran di PPAK.

1.3. Pada tahun 2021, PPAK telah menerima peruntukan berjumlah RM10.12 juta daripada empat sumber iaitu Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan Kedutaan Amerika. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2021 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2021

BIL	SUMBER	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
1.	Kerajaan Negeri	6,300,000	6,288,600	11,400	99.8
2.	Kerajaan Persekutuan	3,596,066	3,401,068	194,998	94.5
3.	NCIA	108,313	108,313	0	100.0
4.	Kedutaan Amerika	112,829	14,364	98,465	12.7
JUMLAH		10,117,208	9,812,345	304,863	96.9

Sumber: Laporan Bajet dan Perbelanjaan

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk memastikan bayaran perkhidmatan dan bekalan telah diuruskan dengan teratur selaras dengan peraturan kewangan dan dokumen kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi bayaran bekalan dan perkhidmatan di Unit Kewangan PPAK. Semakan dibuat terhadap 747 baucar bayaran berjumlah RM1.60 juta daripada 1,748 baucar bayaran bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod serta dokumen berkaitan dengan perolehan. Selain itu, pemeriksaan fizikal Audit dan temu bual dengan pegawai berkaitan turut dijalankan bagi memastikan ketepatan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mac hingga Jun 2022. Maklum balas daripada PPAK telah diterima pada 18 Julai 2022 dan perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 3 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit yang berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Tidak Wajar Berjumlah RM0.70 Juta

4.1.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran tidak wajar ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajarnya sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Lampiran A pekeling yang sama menyatakan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar termasuk:

- a. apa-apa bayaran dibuat tanpa kuasa tertentu daripada pegawai-pegawai yang diberi kuasa membenar atau meluluskan bayaran itu; dan
- b. apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.1.2. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 Perenggan 7.1 menyatakan dengan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) tanpa bersyarat, suatu ikatan kontrak telah wujud antara Kerajaan dengan syarikat yang ditawarkan. PPAK mengguna pakai Borang Setuju Terima (BST) bagi menggantikan SST. Sehubungan itu, bayaran boleh dibuat ke atas pembekalan/ perkhidmatan/ kerja yang telah selesai dilaksanakan oleh syarikat dan setelah Kerajaan berpuas hati dengan pembekalan/ perkhidmatan/ kerja yang diterima, walaupun sebelum dokumen kontrak ditandatangani. Bagi kontrak bermasa yang

melebihi empat bulan, bayaran berkala sehingga tiga kali dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima dan sebelum kontrak formal ditandatangani.

4.1.3. Tiga penemuan Audit yang melibatkan pembayaran tidak wajar berjumlah RM0.70 juta adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBAYARAN TIDAK WAJAR

PERENGKAN	PENEMUAN	JUMLAH (RM)
a.	Pembayaran Perkhidmatan Tanpa BST dan Kontrak	626,761
b.	Pembayaran Sistem Perakaunan dibuat Sebelum BST Dikeluarkan dan Sebelum Kontrak Ditandatangani	40,482
c.	Bayaran Tanpa Kelulusan Lanjutan oleh Jawatankuasa Sebut Harga	29,486
JUMLAH		696,728

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Pembayaran Perkhidmatan Tanpa BST dan Kontrak Berjumlah RM0.63 Juta

- i. Semakan Audit mendapati enam perolehan bermasa bagi tahun 2021 berjumlah RM0.88 juta seperti dalam **Jadual 3** dan **Jadual 4** telah dibuat tanpa perjanjian. Tiga daripada enam telah tamat tempoh perkhidmatan iaitu antara 31 Mei hingga 15 September 2021. Tiga lagi perkhidmatan masih berkuat kuasa dan kelewatan penyediaan kontrak adalah antara 80 hingga 798 hari selepas empat bulan BST ditandatangani sehingga ke tarikh pengauditan selesai dijalankan.
- ii. Sehingga 31 Disember 2021, **tiga perkhidmatan yang tamat tempoh telah dibuat pembayaran tanpa BST dan dokumen kontrak sejumlah RM363,649** seperti dalam **Jadual 3**. **Dua daripada tiga lagi perkhidmatan yang masih berkuat kuasa telah dibuat pembayaran sebanyak enam dan 21 kali berjumlah RM263,111** selepas empat bulan dari tarikh BST dan sebelum kontrak ditandatangani seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 3
BAYARAN TANPA BST DAN DOKUMEN KONTRAK
BAGI PERKHIDMATAN YANG TAMAT TEMPOH

BIL.	NO. SEBUT HARGA/ PERIHAL/ TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	PPAK/KS/05/2020 Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api 01.06.2020-31.05.2021	295,334	295,334
2.	PPAK/PU/8/03/2020 Penyenggaraan Pendingin Hawa 15.09.2020-15.09.2021	23,040	21,815

BIL.	NO. SEBUT HARGA/ PERIHAL/ TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)
3.	PPAK/PU/4/08/2020 Penyenggaraan Pendingin Hawa 01.07.2020-30.06.2021	46,500	46,500
JUMLAH		364,874	363,649

Sumber: Baucar Bayaran PPAK Tahun 2021

JADUAL 4
BAYARAN MELEBIHI EMPAT BULAN DARI TARIKH BST DAN SEBELUM KONTRAK DITANDATANGAN BAGI PERKHIDMATAN YANG MASIH BERKUAT KUASA

BIL.	NO. SEBUT HARGA/PERIHAL/TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK (RM)	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN [28.04.2022 – (A)] (HARI)	BAYARAN MELEBIHI EMPAT BULAN	
			BST	4 BULAN SELEPAS BST (A)		BIL. KALI	JUMLAH (RM)
1.	PPAK/KS/06/2020 Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api 15.07.2021-15.07.2022	270,273	12.07.2021	12.11.2021	167	6	140,751
2.	PPAK/IT/01/2019 Sewaan Komputer Oktober 2019-Oktober 2022	191,520	20.10.2019	20.02.2020	798	21	122,360
3.	PPAK/PU/7/01/2021 Penyenggaraan Pendingin Hawa 01.10.2021-30.09.2022	52,940	07.10.2021	07.02.2022	80	Tidak Berkaitan	
JUMLAH		514,733			1,045	27	263,111

Sumber: Baucar Bayaran PPAK Tahun 2021

- iii. Perkara ini berlaku disebabkan PPAK tidak menyediakan daftar kontrak bagi menyelenggara rekod dan maklumat berkaitan perolehan yang telah dilaksanakan, menyebabkan pembayaran dibuat walaupun kontrak tidak disediakan dan belum dimuktamadkan. Pegawai yang bertanggungjawab bagi pembayaran kontrak juga tidak menyemak dan memastikan dokumen yang lengkap bagi tujuan pembayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan kewangan.
- iv. Ketiadaan kontrak boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan kerana tiada ikatan perjanjian diwujudkan. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang sepatutnya dinyatakan dalam kontrak, ianya boleh mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan. Pemantauan terhadap pengurusan kontrak juga tidak dapat dibuat.

Maklum Balas PPAK pada 18 Julai 2022

Bagi perkhidmatan tanpa kontrak formal yang tidak ditandatangani, pihak PPAK mengakui ianya tidak dibuat namun hasil daripada teguran ini, pihak PPAK akan melaksanakan dengan kadar segera bagi sebut harga dan kontrak bermasa.

Kontrak antara PPAK dengan syarikat bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang masih berkuatkuasa (No. Sebutharga PPAK/KS/06/2020) ada disediakan, namun pada masa audit dijalankan kontrak tersebut berada pada Syarikat. Bagi tiga syarikat lain yang dinyatakan tidak disediakan kontrak. Pihak PPAK mengambil maklum dan kontrak akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Pernyataan Audit | Bayaran tanpa BST dan dokumen kontrak serta bayaran melebihi empat bulan dari tarikh setuju terima dan sebelum kontrak di tandatangan merupakan pembayaran yang tidak teratur.

b. Pembayaran Berjumlah RM40,482 Dibuat Sebelum BST Dikeluarkan dan Sebelum Kontrak Ditandatangani

- i. Pada tahun 2020 PPAK telah membuat perolehan secara rundingan terus bagi sistem perakaunan baharu iaitu Sistem IFCA Integrated Property Real Estate Business Solution (Sistem IFCA) berharga RM44,979 daripada syarikat 452488-U bagi menggantikan sistem kewangan PPAK yang telah digodam oleh pihak luar pada tahun 2019. Kronologi perolehan sistem perakaunan IFCA adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KRONOLOGI PEROLEHAN SISTEM IFCA

TARIKH	PERKARA
16.03.2020	Pembayaran kali pertama berjumlah RM13,494 - <i>upon confirmation of sales order - mobilization fee</i>
28.07.2020	Pembayaran kali kedua berjumlah RM13,494 - <i>upon confirmation of sales order - mobilization fee</i>
15.04.2021	BST dikemukakan kepada pembekal - BST ditandatangani balas pada 22 April 2021. Nilai kontrak dinyatakan dalam BST adalah RM45,315
22.4.2021 – 30.7.2021*	Tempoh perjanjian seperti mana Klausula 6.3 ialah 100 hari dari tarikh BST ditandatangani.
28.09.2021	Pembayaran kali ketiga berjumlah RM13,494 - <i>SQL License, User Training, Implementation Assistant</i>
09.11.2021	Kontrak ditandatangani balas oleh pembekal - Nilai kontrak dinyatakan dalam perjanjian adalah RM44,979

Sumber: Baucar Bayaran dan Dokumen Perjanjian PPAK

Nota: (*) - tarikh akhir adalah berdasarkan kiraan Audit

- ii. Semakan Audit mendapati **pembayaran pertama dan kedua berjumlah RM26,988 dibuat pada 16 Mac 2020 dan 28 Julai 2020, iaitu sebelum BST dikeluarkan pada 15 April 2021 dan ditandatangani balas pada 22 April 2021.**
- iii. Pada tahun 2021, **PPAK telah membuat bayaran ketiga berjumlah RM13,494, iaitu selepas empat bulan daripada tarikh BST ditandatangani balas dan sebelum kontrak formal ditandatangani.** Ini menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran adalah berjumlah RM40,482 atau 90% daripada jumlah keseluruhan perolehan sistem perakaunan tersebut. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
JUMLAH PEMBAYARAN SISTEM IFCA

BIL	NO BAUCAR	TARIKH BAUCAR	TARIKH INVOIS	AMAUN (RM)
1.	H0005-20	16.03.2020	04.02.2020	13,494
2.	H0013-20	28.07.2020	13.07.2020	13,494
3.	H0018-21	28.09.2021	16.08.2020	13,494
JUMLAH				40,482

Sumber: Baucar Bayaran PPAK

- iv. Perkara ini berlaku kerana pegawai yang dipertanggungjawabkan tidak menyemak dan memastikan BST disediakan dan ditandatangani oleh pembekal sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, kelemahan dalam pentadbiran kontrak PPAK menyebabkan kelewatan penyediaan kontrak iaitu melebihi tempoh empat bulan daripada tarikh BST ditandatangani balas. Hal ini menyebabkan pembayaran sejumlah RM40,482 dibuat tanpa BST dan kontrak yang sah.
- v. Pengurusan dan pemantauan kontrak yang lemah oleh PPAK menyebabkan kesukaran untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pembekal apabila berlaku pelanggaran terma dan syarat kontrak.

Maklum Balas PPAK pada 18 Julai 2022

PPAK akur akan kesilapan dan terlepas pandang mengenai pembayaran yang dibuat sebelum BST dikeluarkan. Namun pembayaran yang dibuat oleh PPAK untuk kali pertama adalah untuk pihak syarikat mendaftarkan lesen sistem IFCA dan untuk pembayaran kali kedua adalah untuk syarikat memasang aplikasi perisian sistem perakaunan IFCA manakala untuk pembayaran kali ketiga untuk memulakan latihan.

BST lambat dikeluarkan oleh PPAK adalah disebabkan pada masa tersebut Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan urusan antara PPAK dan syarikat terhenti buat seketika.

Sistem IFCA tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana ia tidak memenuhi kehendak PPAK. Masa latihan banyak digunakan untuk membetulkan format pesanan tempatan dan baucar bayaran dan ia menyebabkan latihan untuk tajuk yang seterusnya terganggu sehinggalah masa untuk latihan habis.

Pernyataan Audit | Pembayaran berjumlah RM26,988 yang dibuat sebelum BST dikeluarkan serta RM13,494 selepas empat bulan BST ditanda tangan balas dan sebelum kontrak formal ditandatangani adalah tidak wajar dan tidak mematuhi peraturan pentadbiran kontrak yang berkuat kuasa.

c. Bayaran Tanpa Kelulusan Pelanjutan Kontrak Berjumlah RM29,486

- i. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1 berkenaan Perubahan dan Pelanjutan Tempoh Bagi Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan (Sebut Harga) menetapkan perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal dengan syarat antaranya kontrak bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dan perubahan kontrak tidak melibatkan perubahan kadar harga dan syarat-syarat lain dalam kontrak.
- ii. Semakan Audit mendapati **dua perolehan telah dilanjutkan tempoh perkhidmatan selama satu bulan, tanpa sebarang bukti kelulusan pelanjutan diperolehi daripada Jawatankuasa Sebut Harga. Oleh itu, pembayaran yang telah dibuat pada 15 Julai 2021 berjumlah RM24,611 dan pada 25 Ogos 2021 berjumlah RM4,875 dibuat tanpa kelulusan dan melebihi nilai kontrak.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PEMBAYARAN PELANJUTAN KONTRAK TANPA KELULUSAN

BIL.	NO.SEBUT HARGA /PERIHAL/TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN	
			KESELURUHAN (RM)	PELANJUTAN (RM)
1.	PPAK/KS/05/2020 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api 1.6.2020 – 31.5.2021	295,334	319,946	24,611
2.	PPAK/PU/4/08/2020 Penyenggaraan Pendingin Hawa 1.7.2020-30.6.2021	46,500	51,375	4,875
JUMLAH		341,834	371,321	29,486

Sumber: Baucar Bayaran PPAK Tahun 2021

Maklum Balas PPAK pada 18 Julai 2022

PPAK mengakui tiada rundingan dan persetujuan oleh Ahli Jawatankuasa Sebutharga untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pernyataan Audit	Pembayaran berjumlah RM29,486 melebihi nilai kontrak tanpa kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah bertentangan dengan peraturan pentadbiran kontrak yang berkuat kuasa.
-------------------------	---

4.2. Pengesahan Bayaran Tanpa Dokumen Kesempurnaan Perkhidmatan Berjumlah RM477,574

4.2.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 99(a) menyatakan semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap untuk membolehkan ianya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya. AP 99(e)(i) pula menyatakan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

4.2.2. Jadual 1 hingga Jadual 4 mengenai skop perkhidmatan, Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tanpa senjata api bagi tempoh 15 Julai 2021 hingga 15 Julai 2022 menetapkan skop perkhidmatan, senarai cawangan perpustakaan, jumlah pengawal keselamatan serta jam kerja mengikut syif ditetapkan dan senarai peralatan yang dibekalkan.

4.2.3. Sehingga 31 Disember 2021, PPAK telah membuat 22 pembayaran berjumlah RM477,574 bagi dua perkhidmatan kawalan keselamatan di enam perpustakaan cawangan. Semakan Audit mendapati **PPAK telah membuat pengesahan ke atas perkhidmatan yang diterima tanpa dokumen sokongan seperti dalam Jadual 8 bagi memperaku bahawa perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna.**

JADUAL 8
PENGESAHAN BAYARAN TANPA DOKUMEN KESEMPURNAAN PERKHIDMATAN

BIL.	NO.SEBUT HARGA / PERIHAL/TEMPOH	NILAI KONTRAK (RM)	JUMLAH BAUCAR	JUMLAH BAYARAN (RM)	SENARAI DOKUMEN TIDAK DILAMPIRKAN BERSAMA TUNTUTAN BAYARAN
KONTRAK TELAH DITANDATANGANI					
1.	PPAK/KS/06/2020 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api 15.07.2021-15.07.2022	270,273	9	157,628	• Laporan <i>watchman clock</i>.
KONTRAK TIDAK DIMUKTAMADKAN					
2.	PPAK/KS/05/2020 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api 01.06.2020-31.05.2021	295,334	13	319,946	• Laporan <i>watchman clock</i>. • Laporan <i>punchcard/ thumbs print</i>
JUMLAH		565,607	22	477,574	

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Baucar Bayaran PPAK

4.2.4. Perkara ini berlaku kerana pegawai bertanggungjawab tidak menyemak sama ada dokumen sokongan bayaran adalah lengkap dan mencukupi bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh syarikat adalah sempurna sebagaimana perjanjian.

4.2.5. Pembayaran yang dibuat tanpa kontrak dan tanpa dokumen sokongan yang lengkap menyebabkan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembekal tidak dapat disahkan kesempurnaannya bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur.

Maklum Balas PPAK yang pada 18 Julai 2022

PPAK akan membuat penambahbaikan dengan membuat lampiran laporan *watchman clock* bagi perkhidmatan keselamatan dalam tuntutan bayaran akan datang.

Pernyataan Audit | Pembayaran sejumlah RM477,574 tanpa dokumen sokongan kesempurnaan kerja adalah pembayaran tidak wajar.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel audit, dapat dirumuskan bahawa pembayaran tidak diuruskan dengan teratur di PPAK. Ini kerana berlaku pembayaran dibuat tanpa BST dan dokumen kontrak serta dokumen sokongan yang lengkap bagi menyokong kesempurnaan kerja. Selain itu, terdapat bayaran melebihi empat bulan dari tarikh BST ditanda tangan balas dan sebelum kontrak ditandatangani.

6. SYOR AUDIT

PPAK hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. memastikan pembayaran dibuat setelah BST dikeluarkan dan bayaran berkala sehingga tiga kali dalam tempoh empat bulan selepas BST ditandatangani balas dan sebelum kontrak ditandatangani;
- 6.2. memastikan pembayaran dibuat bagi kontrak yang masih berkuat kuasa; dan
- 6.3. memastikan pegawai yang bertanggungjawab diberi latihan dan kursus supaya dapat memahami prosedur pentadbiran kontrak dan melaksanakan proses pembayaran selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.